

08 JUN 1998

Mahathir-Ekonomi

PERBINCANGAN PANJANG MENGENAI KEGAWATAN EKONOMI DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata isu-isu kegawatan ekonomi dijangka akan dibincangkan dengan panjang lebar di perhimpunan agung Umno akan datang memandangkan ramai perwakilan yang terlibat dengan masalah itu.

Perdana Menteri berkata beliau tidak akan berlaku adil kepada parti dan negara sekiranya beliau sendiri tidak menyentuh mengenai masalah ekonomi dalam ucapannya ketika menyampaikan amanat presiden.

"Saya rasa mereka akan bercakap mengenai masalah ekonomi kerana sesetengah daripada mereka terjejas akibat kegawatan ekonomi..," katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di sini.

Ketika diminta mengulas mengenai permintaan pembangkang untuk mengadakan perbincangan meja bulat dengan pihak kerajaan mengenai masalah ekonomi sekarang, beliau berkata "kita tidak mahu ia dijadikan bahan politik."

Sambil berkata beliau tidak faham apa yang pembangkang mahu daripada perbincangan tersebut, Dr Mahathir menyindir, "malahan pembangkang telah berkata mereka akan menang lebih banyak kerusi (dalam pilihan raya akan datang ekoran negara dilanda kegawatan ekonomi)."

Dr Mahathir berkata bagi pembangkang kegawatan ekonomi adalah isu politik, ia bukan masalah ekonomi, dan ini akan menguntungkan mereka.

"Terserahlah kepada rakyat untuk menilai sama ada wajar atau tidak untuk memperalatkan untung nasib negara...." katanya.

Ketika ditanya sama ada isu-isu mengenai rasuah dan nepotisme akan juga dibincangkan pada perhimpunan agung yang dijadualkan pada 19 hingga 21 Jun itu, beliau berkata sekiranya para perwakilan mahu membincangkan isu-isu berkenaan, mereka tidak boleh disekat daripada berbuat demikian.

-- BERNAMA

MNY ARA MAM oba